



**PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

Semua Golongan Pengguna Data Yang Berkenaan

**NOTIS PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA
DATA DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010
[AKTA 709]**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan maklumat mengenai pengemukaan Notis Pembaharuan Perakuan Pendaftaran kepada Golongan Pengguna Data sebagaimana yang diperincikan di dalam Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 336] dan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data)(Pindaan) 2016 [P.U.(A) 326] bagi maksud peraturan 5 Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 337].

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan seksyen 14 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709],

Pengguna Data yang tergolong dalam mana-mana Golongan Pengguna Data yang dinyatakan dalam Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 336] dan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data)(Pindaan) 2016 [P.U.(A) 326] hendaklah berdaftar di bawah Akta.

2.2 Pendaftaran sebagai Pengguna Data dibuat melalui Sistem Perlindungan Data

Peribadi (SPDP) melalui pautan <https://daftar.pdp.gov.my>.

2.3 Selepas pendaftaran diterima, Perakuan Pendaftaran akan disediakan kepada Pengguna Data. Tempoh kesahan sesuatu Perakuan Pendaftaran bermula dari tarikh bayaran diterima daripada Pengguna Data.

2.4 Pengguna Data yang tidak memperbaharui Perakuan Pendaftaran dan terus memproses data peribadi selepas tamat tempoh sah Perakuan Pendaftaran adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 337] dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

3.0 NOTIS PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN

3.1 Notis Peringatan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran akan dihantar melalui e-mel kepada alamat e-mel berdaftar Pengguna Data dengan SPDP sebanyak tiga (3) kali seperti berikut:

- i. Sembilan puluh (90) hari sebelum tamat tempoh kesahan Perakuan Pendaftaran;
- ii. Enam puluh (60) hari sebelum tamat tempoh kesahan Perakuan Pendaftaran;
dan
- iii. Tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh kesahan Perakuan Pendaftaran.

3.2 Pengguna Data adalah diminta untuk melengkapkan proses pembaharuan Perakuan Pendaftaran melalui SPDP.

3.3 Setelah tamat tempoh kesahan Perakuan Pendaftaran, Notis Pembaharuan Perakuan Pendaftaran dikeluarkan kepada Pengguna Data menghendaki supaya Pengguna Data membuat pembaharuan Perakuan Pendaftaran melalui SPDP dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh notis dikeluarkan.

3.4 Notis Pembaharuan Perakuan Pendaftaran dikemukakan kepada Pengguna Data selaras dengan seksyen 136 Akta 709 di mana pengemukakan notis dilaksanakan dengan:

- i. Menghantar serah notis kepada Pengguna Data;
- ii. Meninggalkan notis di alamat kediaman atau tempat perniagaan Pengguna Data yang terakhir diketahui dalam suatu sampul yang ditujukan kepada Pengguna Data; atau
- iii. Menghantarkan notis melalui pos dalam suatu surat berdaftar Akuan Terima yang ditujukan kepada Pengguna Data di alamat kediamannya atau tempat perniagaannya yang terakhir diketahui.

3.5 Dalam tempoh enam puluh (60) hari yang diberikan, Pengguna Data boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PPDP) secara bertulis dengan menyatakan alasan berkaitan kelewatan pembaharuan Perakuan Pendaftaran dilakukan. PPDP mempunyai kuasa budi bicara penuh dalam mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan.

3.6 Sekiranya PPDP mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan, suatu tempoh pelanjutan pembaharuan Perakuan Pendaftaran akan diberikan kepada Pengguna Data. Walau bagaimanapun sekiranya PPDP berpandangan sebaliknya, Pengguna Data adalah dikehendaki memperbaharui Perakuan Pendaftaran selewat-lambatnya setelah tamat tempoh enam puluh (60) hari yang diberikan tanpa gagal.

3.7 Setelah tamat tempoh enam puluh (60) hari yang diberikan dan tiada sebarang rayuan atau maklum balas diperolehi daripada Pengguna Data, tindakan

penguatkuasaan di bawah Akta 709 dan Peraturan-Peraturan yang berkuat kuasa boleh dilaksanakan terhadap Pengguna Data.

4.0 KUAT KUASA


Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZMALEK BIN MOHAMAD)

Pesuruhjaya

Perlindungan Data Peribadi

Tarikh: // Februari 2022